

31 AUG 1996

Merdeka - perayaan

RAKYAT MALAYSIA DI AUSTRALIA SAMBUT MERDEKA DENGAN BERBAGAI ACARA

Oleh: Neville D'Cruc

MELBOURNE, 31 Ogos (Bernama) -- Rakyat Malaysia di beberapa tempat di Australia hari ini mengadakan upacara-upacara menaikkan bendera, pesta makanan dan majlis-majlis keramaian sempena dengan sambutan Hari Kebangsaan Malaysia ke-39 hari ini.

Di Melbourne dan Sydney, pelajar-pelajar Malaysia berhimpun di Dewan Malaysia masing-masing untuk mendengar keputusan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir yang dibacakan oleh kuasausaha Malaysia selepas bendera negara dinaikkan.

Di Adelaide, kira-kira 450 rakyat Malaysia dan rakan-rakan mereka menganjurkan majlis makan dengan persembahan kebudayaan yang menerima sambutan hangat malam ini.

Majlis Perniagaan Australia-Malaysia Cawangan Victoria juga menganjurkan majlis makan malam ini di Kelab Denmark di kawasan pantai sebelah Melbourne Middle Park.

Kebanyakan mereka yang hadir ialah rakyat Australia yang ada usahasama dengan rakyat Malaysia. Kumpulan muzik Malaysia yang terdiri dari Nick Nathan, Leo Samy, Yusuf Abdul Rahman, Olivia Nathan and Charles Nathan mengiringi majlis itu.

Di Canberra, Pesuruhjaya Tinggi Malaysia yang baru Datuk Adnan mengadakan jamuan untuk tetamu-tetamu kakitangannya sebagai acara sambutan hari kemerdekaan sementara pelajar-pelajar Malaysia di Melbourne mengadakan pesta makanan di Dewan Malaysia yang mendapat sambutan hangat.

Seorang dari penganjurnya, Adrina Shazlin Shukor berkata tahun ini kira-kira 500 orang mengunjungi pesta makanan itu dan kuih-kuih Melayu tradisional mendapat jualan laris.

Kelab UMNO Melbourne akan menganjurkan Malam Merdeka pada 30 Sept di Dewan Bandaran Prahran.

Kira-kira 500 orang dijangka hadir di acara itu yang termasuk makan malam dan persembahan kebudayaan. -- BERNAMA

NDC WAT